

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA  
JABATAN PERTANIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN



No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 01 / 2021

TAJUK KERJA : SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENYEDIAAN TANAH TERMASUK PERATAAN SAWAH DAN PENGAPURAN DI PROJEK PADI KG KELUT, DAERAH POKOK SENA , KEDAH DARUL AMAN.

Syarat-syarat Khas Sebutharga :-

1. Pelawaan adalah dibuka kepada Kontraktor yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam **Gred G1 (Daerah Pokok Sena)** dibawah **kategori CE** pengkhususan **CE 21 Atau CE 36** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dengan **sijil Taraf Bumiputra** .
2. Pembekal yang berminat untuk menyertai Tawaran Sebutharga ini **diwajibkan** untuk mendaftarkan Nama dan Maklumat syarikat **dan menyertakan salinan** Sijil Pendaftaran Asal dan Perakuan Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputra oleh PKK di lokasi berikut:  

**PEJABAT PERTANIAN DAERAH POKOK SENA**  
**06400 POKOK SENA**  
**KEDAH DARUL AMAN**  
**NO. TEL : 04-7821464**
3. Lawatan ketapak pembinaan adalah di **WAJIBKAN** . Surat jemputan menyertai tawaran sebutharga akan dikeluarkan secara individu kepada kontraktor yang telah mendaftar pada tarikh yang tersebut diatas sahaja yang akan dibenarkan mengambil dokumen sebutharga dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja dibenarkan mengambil dokumen sebutharga.
4. Tarikh lawatan tapak ialah pada **11 Januari 2021 (Isnin)**. Kontraktor yang berminat boleh berhimpun di **Pejabat Pertanian Daerah Pokok Sena , Kedah** pada tarikh tersebut pada jam **10.00pg**. Sila memakai **pelitup muka** bagi mencegah penularan dan memutuskan **rantaian jangkitan COVID-19** serta mematuhi **SOP** ditetapkan kerajaan dan amalkan norma baharu. Kontraktor/wakil yang mempunyai gejala atau tidak mematuhi **SOP** tidak akan dibenarkan menghadiri lawatan tapak ini.
5. Pihak Jabatan ini tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah dan keputusan **Jawatankuasa Sebutharga** adalah muktamad.


No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 01 / 2021

**TAJUK KERJA : SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENYEDIAAN TANAH  
TERMASUK PERATAAN SAWAH DAN PENGAPURAN DI PROJEK PADI KG  
KELUT, DAERAH POKOK SENA , KEDAH DARUL AMAN.**

6. Sebutharga ini akan **ditutup** pada **18 Januari 2021 ( Isnin )**. Semua dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat serta bertulis bilangan **No. Sebutharga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Pertanian Daerah Pokok Sena** , tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
7. Sekiranya ada sebarang masalah, kontraktor dipohon untuk berhubung terus dengan **Seksyen Perolehan Ibupejabat Pertanian Telok Chengai** di No. Telefon **04-7775000** . Pegawai yang boleh dihubungi ialah **En Ruzli bin Mustafa**

s.k.

**Tuan Pengarah Pertanian Negeri.  
Di Iklankan pada 3 Januari 2021**



**NOR HAFIZAH BINTI ABD. RAHMAN, BCK.**  
Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Pengembangan)  
Jabatan Pertanian Negeri  
Kedah Darul Aman.